

## Pemansuhan hukuman mati mandatori sedang digubal

November 30, 2015, Monday



Nancy ketika ditemu ramah pemberita di Kuching, semalam. **RESPONS:** Nancy ketika ditemu ramah pemberita di Kuching, semalam.

**la tidak dapat diselesaikan dalam sekelip mata kerana terdapat undang-undang lain yang perlu dilihat: Nancy**

Oleh Nick Fletcher //

**KUCHING:** Cadangan meminda Kanun Keseksaaan untuk memansuhkan hukuman mati mandatori di negara ini kini dalam peringkat pengubalan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Nancy Shukri.

Jelas beliau, perkara tersebut adalah sesuatu yang tidak dapat diselesaikan dalam sekelip mata kerana terdapat undang-undang lain yang perlu dilihat sebelum negara boleh memansuhkan hukuman mati mandatori yang dikenakan ke atas jenayah serius.

“Tetapi saya percaya ini tidak akan mengambil masa yang lama kerana ia hanya untuk memansuhkan hukuman mati mandatori,” katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau ditemui selepas menyempurnakan Bazar Amal Krismas Persatuan Mencegah Penganiayaan Haiwan Sarawak (SSPCA) di Pusat Persatuan Gereja-Gereja Sarawak, Jalan Stampin dekat sini.

Bagaimanapun, menteri yang bertanggungjawab terhadap undang-undang negara itu menegaskan bahawa ia tidak bermakna akan menamatkan hukuman mati di Malaysia kerana negara ini tidak akan membenarkan sesiapa yang melakukan jenayah untuk bebas dengan mudah.

“Kita masih menggunakan hukuman mati tanpa hukuman mati mandatori dan oleh itu apabila pindaan ini diluluskan, kuasa akan diberikan kepada mahkamah,” katanya.

Nancy juga berharap agar cadangan berkenaan dapat dibentangkan di Dewan Rakyat pada Mac tahun depan.

“Kami berharap boleh melakukannya dengan cepat kerana ini adalah salah satu isu yang sangat penting bagi saya terutama kerana kita juga menghadapi kes Kho Jabing (yang menunggu hukuman mati di Singapura).

“Bagaimana kita hendak merayu apabila kita juga mempunyai undang-undang yang sama,” katanya.

Berhubung kes Jabing, beliau menjelaskan bahawa tiada apa lagi yang dapat dilakukan untuk membantunya pada masa ini.

“Kita cuma berharap agar rayuan pengampunan oleh kerajaan negeri akan diberikan beberapa pertimbangan yang sewajarnya.

“Saya juga berharap agar mahkamah rayuan Singapura menukar hukuman mati kepada penjara seumur hidup,” katanya.

Dalam pada itu, Nancy berkata beliau juga telah bertemu dengan ibu Jabing, Lenduk Baling dan adiknya Jumai Kho di Kuala Lumpur dan memaklumkan bahawa kerajaan telah melakukan yang terbaik untuk membantu mereka.

“Ada laporan mengatakan tiada sesiapa membantu mereka...sebenarnya kerajaan persekutuan dan negeri termasuk kakitangan kami di Singapura telah melakukan yang terbaik untuk membantu mereka.

“Bagaimanapun, kita cuma memohon untuk pengampunan manakala segala keputusan adalah bergantung kepada Singapura kerana ini adalah hak dan undang-undang mereka,” katanya.

Jabing yang berusia 31 tahun dan berasal dari Ulu Baram berdepan hukuman gantung kerana mengakibatkan kematian seorang pekerja pembinaan pada 2008 semasa satu cubaan rompakan.